

BAB 6

USAHAWAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Bab ini akan membicarakan kedudukan dan peranan responden dalam masyarakat. Bagi tujuan kajian, perhatian ditumpukan terhadap penilaian responden sendiri tentang kedudukan dan peranan yang mereka mainkan dalam masyarakat dalam aspek sosial, ekonomi, dan masyarakat. Apa yang akan dibentangkan boleh dikatakan terlalu subjektif. Ini memandangkan pandangan usahawan itu mungkin dipengaruhi oleh *psychological make-up* individu itu sendiri. Walau bagaimanapun, apa yang mereka persepsikan boleh mempengaruhi hubungan kumpulan dengan masyarakat keseluruhan atau sekurang-kurangnya memperlihatkan ideologi kumpulan itu.

Persoalan yang timbul di sini ialah bagaimanakah responden menganggap dan membandingkan diri mereka secara relatif dengan kumpulan-kumpulan ekonomi lain? Apakah peranan yang perlu mereka bawa dalam proses menjalankan perusahaan mereka? Adakah mereka menganggap kerjaya mereka itu sebagai peluang memperbaiki kedudukan ekonomi sendiri dan juga ekonomi keseluruhan? Adakah golongan ini dapat memainkan

fungsi penggerak kepada pembangunan usahawan secara keseluruhan?

Latar Belakang Gerak Laku Soioekonomi Masyarakat Melayu dan Implikasinya

Sebelum meneliti tanggapan dan persepsi responden terhadap kedudukan dan peranan mereka berbanding dengan ejen-ejen lain, mungkin boleh kita menyingkap kembali latar belakang gerak laku sosioekonomi masyarakat Melayu pada zaman sebelum ini. Ini bertujuan mengetahui di mana letaknya golongan usahawan, dan golongan manakah yang dianggap berstatus dan mempunyai prestij. Latar belakang ini dikira dapat membantu kita memahami kedudukan dan peranan yang boleh dimainkan oleh golongan usahawan bumiputera yang ada pada masa kini. Beberapa tinjauan terperinci mengenai perlakuan sosioekonomi dan pengkelasan masyarakat Melayu yang pernah dibuat oleh pengkaji seperti Firth, R (1966), Syed Hussien Al-Attas (1968, 1972), Parkinson, B.K (1975), Tham Seong Chee (1977) dan Jomo K. Sundaram (1988).

Berdasarkan tulisan-tulisan di atas, dapat disimpulkan bahawa perlakuan sosioekonomi masyarakat Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur feudalisme. Feudalisme mempunyai ciri-ciri berikut:

a) in the context of psychological feudalism, the relationship between those in power and those dependent on them is characterised by personal attachment to the leader or man in authority;

b) the leader or the man in authority, whether he is a beaureaucrat, a practical celebrity, a teacher or a business manager, expects the subordinate to be loyal and faithful in a manner that sometimes comes into conflict with the norms and ethics of the work or profession.

c) he (the subordinate) is supposed to be loyal under all circumstances violate the present values and philosophy of Malaysian society.

(Al-Attas; 1972 : 100)

Sikap dan kepercayaan yang timbul daripada feudalisme banyak mempengaruhi pemilihan kerjaya masyarakat Melayu, terutama sekali di kalangan orang Melayu berpendidikan tinggi. Mengikut Al-Attas, kedudukan di dalam perkhidmatan kerajaan telah diberi status dan prestij yang setinggi-tingginya oleh masyarakat Melayu. Golongan ini telah diletakkan oleh pihak British ke dalam golongan aristokrat yang terpelajar untuk memegang jawatan tertentu di pejabat kerajaan. Lanjutan ini, perkhidmatan kerajaan berada di tahap teratas dalam hirarki ekonomi masyarakat Melayu. Menurut Al-Attas,

"... Economically and socially the civil service provides the only opportunity for comfortable life and rapid upward mobility for the aspiring educated Malays."

(Al-Attas, 1968: 149-150)

Al-Attas selanjutnya mengemukakan pengkelasan kerjaya masyarakat Melayu zaman feudal dan zaman kontemporari (dalam hubungan ini, tahun 1966). Yang ketara ialah kelas yang mengandungi peniaga atau pedagang tidak diberi keutamaan. Rajah 6.1 menunjukkan tahap keutamaan yang diberikan kepada tiap golongan tertentu.

Rajah: 6.1

Penggredan Prestij Terhadap Kerjaya (Masyarakat Melayu) di Malaysia

Zaman Feudal:

1. pemerintahan (Raja-raja)
2. aristokrat
3. menteri
4. panglima
5. petani dan pedagang kaya
6. pawang dan bomoh
7. penglipurlara
8. 'artisan'
9. rakyat kampung dan nelayan
10. pelacur
11. hamba

Zaman masa kini (1966)

Tertinggi

1. sultan
2. perdana menteri
3. menteri-menteri kabinet
4. menteri besar
5. setiausaha-setiausaha tetap kepada menteri-menteri
6. ketua-ketua Jabatan Kerajaan

Terendah

1. penarik beca
2. *nightsoil carriers*
3. pelacur
4. pengusaha rumah pelacur
5. pengemis
6. pencuri

Jomo K. Sundaram (1988) pula meneliti pengkelasan masyarakat dari aspek-aspek pengeluaran dan hubungan

sosial. Mengikutnya terdapat tiga golongan utama dalam masyarakat Melayu sebelum zaman penjajahan, iaitu pemerintah (dan *state*) menduduki hirarki yang paling tinggi sekali, golongan kaum tani merupakan golongan terbesar penduduk dan hamba abdi dalam golongan terendah sekali. Jelas tidak terdapat satu golongan *bourgeoisie*. Pewujudan satu kelas *bourgeoisie* Melayu masih belum ada di zaman penjajahan. Ini disebabkan para pemerintah sebelum ini telah diresapi dalam birokrasi kolonial untuk menduduki jawatan-jawatan tahap pertengahan birokrasi pihak pemerintah kolonial. Golongan ini jarang didapati menjalankan aktiviti pengeluaran, jika ada pun hanyalah dalam bentuk *rentier*.

Pergolakan sejarah seterusnya telah meletakkan golongan *administocratic* yang dilantik pada zaman kolonial sebagai golongan pemerintah pada zaman post-kolonial. Mereka ini terus mengekalkan kedudukan dengan menggunakan kuasa yang ada untuk mengawal dan mengumpul harta. Kumpulan ini juga dikenali sebagai *statist capitalist* yang merangkumi terutamanya ahli-ahli aristokrat dan birokrat (Jomo K.S., 1988: 242-272).

Tanpa satu kumpulan atau kelas usahawan yang dianggap penting untuk mengubah tanggapan, sikap dan gerak laku ekonomi orang Melayu, para elitis politik dan birokrat yang diletakkan di tangga teratas hirarki masyarakat Melayu memainkan peranan menggerakkan masyarakat Melayu ke arah aktiviti ekonomi bukan tradisional, terutama sekali dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Secara ideologinya, kedua-dua kumpulan tersebut berkongsi pendapat bahawa menjadi tanggungjawab utama mereka untuk memperbaiki dan memodenisasikan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu.

Sistem politik dan struktur sosial masyarakat Melayu terus mencerminkan sebahagian besar kewujudan struktur feodal yang telah ditafsirkan tadi. Keadaan ini memperkuat peranan dan fungsi kumpulan elit yang dominan itu sebagai penggerak utama dalam perubahan dan modenisasi ekonomi. Walaupun zaman berubah, gerak laku politik dan ekonomi masa kini adalah bayangan daripada struktur ekonomi politik dan sistem status masa lalu. Teras pegangan kuasa dan pengaruh dalam ekonomi dan politik mengikut tanggapan golongan majoriti orang Melayu masih lagi terletak di tangan para elitis politik dan birokrasi. Sehingga dekad lepas, masyarakat Melayu masih

mengharap kepada kuasa golongan politik dan birokrasi untuk mengubah corak ekonomi mereka. Kumpulan tersebut sebaliknya menggunakan corak penggantungan ini untuk mengekalkan kuasa mereka.

Salah satu tumpuan utama program pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ialah memajukan dan mengukuhkan masyarakat Bumiputera yang berteraskan industri dan komersial. Sehingga kini walaupun bilangan yang terlibat dengan kerjaya iktisas dan perdagangan meningkat, satu golongan usahawan Bumiputera belum lagi bertapak dengan ketara dan kukuh. Jika diperlihatkan kedudukan guna tenaga mengikut kumpulan etnik sehingga 1990, kaum Bumiputera masih menguasai sektor perkhidmatan kerajaan (65.9%), diikuti oleh golongan lain (Cina, 25.3%; India, 12.3%; dan lain-lain, 11.4%). Penglibatan masyarakat Melayu dalam bidang iktisas dan komersil masih belum menunjukkan kedudukan yang begitu kuat berbanding dengan penglibatan kaum Cina yang selama ini menguasai bidang tersebut. Atas hakikat ini, satu golongan elit usahawan Bumiputera belum lagi bertapak dengan ketara.

Ketiadaan satu kumpulan rujukan (iaitu masyarakat perdagangan dan perindustrian) bagi aktiviti per-

dagangan dan perindustrian yang boleh digunakan sebagai contoh dan tiruan (*model role*) dengan sendirinya merupakan satu masalah *sociological*. Kewujudan kumpulan ini akan dapat merangsangkan motivasi dan rasionalisasi yang sesuai untuk mencapai objektif tertentu dalam memodenisasi masyarakat dan ekonominya. Apa yang berlaku sehingga ini ialah penerapan nilai dan kemahiran keusahawanan disemai tanpa asas simbolik dan budaya niaga yang sesuai. Penyediaan motivasi dan budaya niaga masih menjadi fungsi ahli politik dan birokrat yang mungkin tidak memiliki atau berpengetahuan yang dalam tentang asas-asas keusahawanan. Setakat manakah mereka ini dapat menyediakan ideologi dan motivasi yang sangat diperlukan untuk pembangunan dan perkembangan usahawan dan keusahawanan itu?

Penglibatan ahli-ahli politik dan birokrat dalam mewujudkan sebuah masyarakat usahawan Bumiputera dan menanam motif serta ideologi keusahawanan lebih menekankan kepada peranan kerajaan dalam ekonomi Bumiputera yang seterusnya menganggap kerajaan sebagai punca utama mendapatkan kemudahan dan pertolongan. Keadaan ini mungkin bertentangan dengan sebarang usaha untuk menanam sebarang sikap dan

motivasi kejayaan keusahawanan di kalangan Bumiputera.

Perbincangan di atas telah meneliti secara ringkas bagaimana status dan prestij sering dikaitkan dengan politik dan birokrasi. Konsepsi masyarakat Melayu terhadap aktiviti-aktiviti yang dianggap berstatus dan mempunyai prestij terletak kepada mereka yang mempunyai kuasa politik, atau sekurang-kurangnya mempunyai kuasa birokrasi. Penglibatan ahli-ahli politik dan birokrat sebagai agen utama untuk mengubah dan memodenkan keadaan ekonomi Melayu memperkuat pandangan mereka itu. Satu perbincangan yang terperinci mengenai perkara di atas adalah di luar bidang kajian ini.

Apa yang berlaku sekarang ialah dengan perubahan zaman dan kemunculan masyarakat moden ukuran status dan prestij dengan sendirinya turut beransur-ansur berubah. Di samping itu, satu masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera telah mula bertapak dan berkembang. Di samping membawa peranan sebagai agen ekonomi, mereka juga membawa peranan sosial dan politik. Dengan perkembangan ini, apakah mereka menganggap diri mereka tergolong dalam kumpulan yang

berstatus dan mempunyai prestij? Setakat manakah mereka menganggap diri mereka berpengaruh atau boleh mempengaruhi dalam arah aliran aspek-aspek sosio-ekonomi dan politik? Apakah dapat dirumuskan bahawa mereka kini mempunyai ideologi tersendiri yang selanjutnya boleh memberi rangsangan dan motivasi terhadap perkembangan masyarakat perdagangan dan perindustrian yang kukuh. Persepsi dan tanggapan usahawan terhadap persoalan-persoalan di atas akan cuba diteliti melalui temubual dan soal selidik yang dikemukakan.

Perbincangan akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama menumpukan kepada persepsi usahawan terhadap kedudukan, pengaruh dan peranan mereka sebagai agen ekonomi secara relatif dengan agen-agen ekonomi yang lain seperti ahli-ahli politik, birokrat, para intelek, dan ahli-ahli kewangan. Dalam bahagian yang sama, responden juga dinilai dari segi tahap pengalaman politik mereka berbanding kumpulan lain. Perbincangan ini diharap dapat memberi gambaran tentang kedudukan dan prestij usahawan dalam masyarakat secara keseluruhan. Bahagian kedua menjelaskan penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi.

Persepsi Usahawan Terhadap Pengaruh dan Peranan dalam Pembangunan Ekonomi

Usahawan yang ditemubual menganggap diri mereka tergolong dalam kumpulan yang boleh mempengaruhi pergolakan ekonomi negara. Secara keseluruhan, mereka menyatakan bahawa melalui aktiviti industri, walaupun kecil, dapat membuka peluang ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan. Di samping mereka, kumpulan korporat, badan-badan perniagaan, ahli-ahli kewangan, dan pelabur asing juga memainkan peranan penting. Walau bagaimanapun, responden mengakui bahawa pengaruh dan peranan yang dimainkan oleh badan korporat dan ahli-ahli kewangan adalah lebih penting. Persepsi seperti itu ada benarnya. Kesemua kumpulan yang dikatakan mempunyai pengaruh dan peranan penting dalam pembangunan ekonomi itu mempunyai kaitan yang rapat antara satu sama lain. Malah, mereka didapati saling melengkapi antara satu sama lain. Umpamanya, ahli-ahli kewangan amat diperlukan oleh para pengusaha dari segi kewangan, dan sebaliknya ahli-ahli kewangan memerlukan para pengusaha untuk pelaburan.

Jadual 6.1 menunjukkan badan-badan korporat, ahli kewangan, pelabur asing dan badan-badan perniagaan diberi keutamaan oleh usahawan sebagai

golongan yang banyak mempengaruhi dasar ekonomi negara. Kesatuan kerja, para intelek dan pegawai-pegawai kerajaan dianggap kurang berpengaruh terhadap perkembangan ekonomi negara.

Jadual: 6.1

Kumpulan Yang Mempengaruhi Ekonomi Negara

Kumpulan	Pilihan Pertama (%)	Pilihan Kedua (%)	Jumlah (%)
Badan-badan korporat	89.1	10.9	100.0
Badan-badan Perniagaan	89.1	10.9	100.0
Pelabur Asing	65.2	34.8	100.0
Kesatuan sekerja	37.0	63.0	100.0
Ahli kewangan	80.4	19.6	100.0
Para Intelek	54.3	45.7	100.0
Pegawai kerajaan	35.0	65.0	100.0

Nota : soalan pilihan.

Dalam perbincangan yang lepas, peranan kerajaan dalam perkembangan dan pembangunan industri kecil secara langsung dan tidak langsung didapati dalam

hampir semua aspek proses dan peringkat perusahaan. Dengan yang demikian, agak menghairankan apabila kumpulan pegawai kerajaan tidak dianggap sebagai salah satu kumpulan yang berpengaruh dalam perkembangan ekonomi negara. Tanggapan yang sedemikian mungkin berasaskan kepada satu penilaian yang subjektif. Penerangan terhadap tanggapan tersebut mungkin dapat dijelaskan melalui beberapa sebab. Antara sebab utamanya ialah usahawan mempersoalkan keberkesanan peranan pegawai kerajaan dalam membangun dan mengembangkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Dalam memberi bantuan kepada usahawan, pihak pegawai kerajaan kerap kali dikatakan lebih menyukarkan daripada memudahkan. Karenah birokrasi, pegawai kurang komitmen dan berpengetahuan dalam kerjaya adalah antara sebab-sebab pegawai kerajaan kurang digemari oleh para usahawan. Sebaliknya, kajian mendapati responden memberi keutamaan kepada golongan korporat, perniagaan dan ahli-ahli kewangan yang dianggap mempunyai kuasa ekonomi yang dapat digunakan untuk mengubah dan mencapai matlamat ekonomi berbanding kumpulan lain.

Wujudnya tanggapan ini secara kasar mencerminkan satu perubahan dari segi hirarki keutamaan

golongan ejen ekonomi sebagaimana yang telah dibincangkan sebelumnya. Jika dahulu, penemuan di dalam beberapa kajian ke atas masyarakat Melayu (Tham Seong Chee, 1967; Al-Attas, 1966 dan 1972) mendapati bahawa sistem sosiopolitik dan ekonomi masyarakat Melayu masih membayangkan struktur masyarakat berunsur feudalisme yang telah memperkuat peranan dan fungsi elit, golongan aristokrat dan birokrat sebagai golongan yang berpengaruh dalam perubahan sosioekonomi politik Melayu, kini golongan-golongan lain turut diberi keutamaan. Mengikut tanggapan usahawan dalam kajian ini, ahli-ahli sektor perniagaan, korporat, dan kewangan diberi keutamaan dan memainkan peranan penting dalam menentukan arah aliran ekonomi negara.

Apakah faktor-faktor yang meletakkan kumpulan itu sebagai kumpulan yang berstatus, mempunyai prestij, dan berpengaruh? Daripada kajian didapati 71.1% menyatakan kedudukan ekonomi dan kuasa politik merupakan faktor utama yang dikaitkan dengan penganugerahan status dan prestij kepada satu-satu kumpulan itu. Faktor perolehan kekayaan dan status melalui warisan seperti yang terdapat dalam masyarakat tradisi bukan lagi dianggap kriteria utama yang menentukan penganugerahan status dan prestij masa kini. Faktor-

faktor pencapaian, kedudukan ekonomi yang tinggi dan penggunaan kuasa melalui pencapaian ekonomi dianggap dapat meletakkan seseorang itu pada tahap yang tinggi. Ini sejajar dengan pemikiran masyarakat moden masa kini. Usahawan kini telah menempatkan diri mereka di dalam golongan yang menganggap diri mereka mempunyai kedudukan dan kuasa ekonomi yang membolehkan mereka dianggap penting dan mampu menjadi faktor penggerak ekonomi yang berkesan.

Mengenai peranan mereka terhadap perkembangan sosioekonomi, para responden telah menunjukkan kecenderungan bahawa mereka lebih bertumpu kepada urusan perjalanan firma mereka (orientasi mikro) daripada memberi perhatian kepada aspek-aspek sosio ekonomi keseluruhan (orientasi makro). Bukti mengenai penekanan usahawan terhadap perkembangan industrinya diperlihatkan melalui penilaian yang diberi oleh usahawan ke atas peranan mereka seperti yang disenaraikan dalam Jadual 6.2.

Jadual: 6.2

Peranan Keusahawanan Mengikut Keutamaan Usahawan

Orientasi Firma	Pilihan Pertama (%)	Pilihan Kedua (%)
Pengeluaran dengan kos paling rendah	18.6	32.9
Mengembangkan firma	23.5	26.8
Maksimumkan keuntungan	36.3	11.0
Pelbagai keluaran	26.1	29.3
Jumlah (%) Bil.	100.0 (102)	100.0 (82)
Orientasi Masyarakat		
Mewujudkan pekerjaan baru	29.8	40.9
Melibatkan diri dalam pembangunan	28.7	43.2
Peningkatan keusahawanan negara, bumiputera khasnya	41.5	15.9
Jumlah (%) Bil.	100.0 (94)	100.0 (44)
Jumlah Am Firma	52	65
Jumlah Am Masyarakat	48	35
Jumlah (%) Bil.	100.0 (196)	100.0 (126)

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa orientasi mikro lebih dipentingkan oleh responden-responden daripada orientasi makro, walaupun mereka menganggap diri mereka sebagai salah satu golongan yang mempunyai pengaruh dan memainkan peranan penting dalam menggalakkan ekonomi keseluruhan. Responden-responden menunjukkan kecenderungan bahawa mereka lebih menekankan kepada fungsi-fungsi sebagai pengeluar daripada menjalankan peranan untuk manfaat keseluruhan masyarakat. Sebanyak 52% daripada responden yang ditemubual menganggap bahawa menjadi fungsi utama mereka untuk mengembangkan perusahaan, memaksimumkan keuntungan dan seterusnya mempelbagai usaha mereka. Orientasi yang lebih kepada firma daripada masyarakat lebih ketara bagi mereka yang mempunyai lebih daripada satu perusahaan. Bagi mereka ini, segala masa dan tumpuan hanya dapat diberi kepada firma-firma yang dijalankan.

Sebaliknya, mereka yang mempunyai kepentingan dalam aktiviti-aktiviti bukan perusahaan lebih berorientasikan kepada masyarakat. Mereka ini menganggap peranan keusahawanan itu juga mempunyai tanggungjawab sosial. Walaupun lebih separuh responden menumpukan kepada kepentingan firma, 35% daripada

mereka turut sedar akan peranan yang berkaitan dengan perkembangan masyarakat keseluruhan. Dalam hubungan ini, peranan yang dimainkan oleh usahawan adalah dari segi sumbangan mereka dalam mewujudkan pekerjaan baru, melibatkan diri dalam pembangunan negara, dan mempertingkatkan keusahawanan Bumiputera khususnya.

Penglibatan dalam Aktiviti Sosial dan Ekonomi

Penglibatan usahawan dalam aktiviti sosioekonomi beroperasi dalam dua tahap, iaitu formal dan informal. Dalam konteks pertama, ia diadakan dalam keadaan teratur dan melalui saluran-saluran yang khusus seperti badan-badan dan organisasi tertentu. Konteks kedua pula ialah melalui interaksi dengan berbagai-bagai kumpulan masyarakat yang mempunyai atau tidak mempunyai sebarang aktiviti tertentu, sama ada dalam aktiviti keusahawanan atau bukan keusahawanan. Apa yang penting ialah hasil daripada penglibatan dan perhubungan ini ialah ia dapat mewujudkan satu perhubungan (*linkage*) atau rangkaian hubungan (*networking*). Perhubungan tersebut dapat memanfaatkan usahawan dalam aktiviti-aktiviti keusahawanannya. Penglibatan dan perhubungan pelbagai organisasi

dari pelbagai kelompok masyarakat membolehkan usahawan meluaskan bidang rangkaian hubungan yang selanjutnya. Ini dapat mempertingkatkan keupayaan mereka mendapatkan bahan (*resources*) yang diperlukan. "Bahan" atau *resources* yang dimaksudkan termasuk punca-punca kewangan, sokongan sosial, pasaran, ide-ide produk dan maklumat yang penting untuk firmannya.

Penglibatan usahawan-usahawan yang dikaji dalam aktiviti sosioekonomi yang formal didapati tidak begitu ketara. Sebilangan besar dari mereka melibatkan diri dengan persatuan yang berkaitan dengan perusahaan seperti Persatuan Pengilang Bumiputera Malaysia, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia, Persatuan Usahawan Baru Malaysia dan lain-lain (67.4%). Di samping menjadi ahli persatuan-persatuan tersebut, ada juga yang melibatkan diri dalam aktiviti sosiobudaya seperti badan-badan kebajikan kawasan (13.0%), badan-badan agama (13.0%), badan-badan politik (21.7%), dan kelab-kelab rekreasi (6.5%). Walaupun penglibatan responden dalam persatuan berunsur ekonomi agak tinggi, sebilangan besar adalah ahli biasa. Malah masih ada yang meragui keberkesanan berpersatuan. Ini mungkin dapat dibayangkan oleh kenyataan daripada salah seorang responden:

"Apa yang diharapkan kepada persatuan? Kami tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya. Kami sebagai ahli masih belum yakin dengan apa yang dapat diberi oleh persatuan. Selalunya mereka berbincang dan terus berbincang tanpa apa-apa matlamat dan tindakan positif selepas itu. Jika demikian buat apa berpersatuan."

Jadual 6.3 memberikan data yang lengkap tentang penglibatan para usahawan dalam aktiviti sosioekonomi dan politik.

Jadual: 6.3

Penglibatan Dalam Aktiviti Sosioekonomi dan Politik

Aktiviti	Ahli		Bukan Ahli		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Persatuan berbentuk sosial	6	13.0	40	87.0	46	100.0
Aktiviti Ekonomi (Persatuan Pengilang, Dewan Perniagaan Peniaga Melayu, Persatuan Konsep Payung dan lain-lain)	31	67.4	15	32.6	46	100.0
Keagamaan	6	13.0	40	87.0	46	100.0
Politik	10	21.7	36	78.3	46	100.0
Rekreasi	3	6.5	43	93.5	46	100.0

Nota : pilihan pelbagai.

Daripada penemuan di atas, seolah-olah para responden tidak memberi keutamaan kepada manfaat berpersatuan. Berbanding dengan kaum Cina, berpersatuan tidak menampilkan fungsi yang penting dalam budaya niaga bumiputera. Bagi kaum Cina kewujudan persatuan adalah alat utama untuk mempertingkatkan hubungan atau *networking* antara peniaga dengan pengusaha. Bagi mereka persatuan dan *networking* yang dihasilkan

adalah suatu praktis niaga yang lazim. Peniaga Cina di Malaysia, seperti juga di seluruh negara Asia Tenggara, mendirikan struktur ekonomi yang kukuh yang ada hubung kait antara mereka. Lazimnya, ia berdasarkan suku kaum yang berasaskan bahasa dialek yang sama seperti Persatuan Peniaga Hakka, Persatuan Khek dan sebagainya. Mereka menggunakan hubung kait tersebut untuk mendapat *resources* dan membuat perhubungan dengan orang lain yang penting untuk perniagaan mereka. Kaedah *network* begini menjadi penting kerana dalam keadaan sekarang, bukan sahaja apa yang boleh dibuat tetapi sesiapa yang dikenali boleh menentukan kejayaan perusahaan seseorang. Fokus mekanisme hubung kait atau *networking* ini lebih berbentuk *collective*, dan dapat memberi faedah melebihi apa yang boleh didapati dari usaha secara bersendirian atau melalui saluran-saluran lain yang memakan masa dan wang.

Beberapa persatuan bercorak ekonomi yang wujud masa kini termasuk Persatuan Pengilang-pengilang Bumi-putera, Persatuan Penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Melayu dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia. Yang jelas di sini ialah bahawa persatuan ini belum lagi dapat berfungsi seperti mana yang

dijalankan oleh kesatuan perniagaan kaum Cina. Usahawan Bumiputera belum lagi menerapkan ciri-ciri berpersatuan dan hasil hubung kait daripada berpersatuan itu sebagai salah satu ciri budaya niaga yang penting.

Penglibatan aktiviti sosial responden-responden dalam konteks tidak formal diperhatikan berlaku dalam kegiatan yang tidak mempunyai hubungan dengan kerjaya. Hubungan sosial tidak formal yang dipraktikkan oleh responden bercorak *horizontal*, iaitu perhubungan tanpa tanda pemisah antara mereka yang berstatus tinggi atau rendah dan antara pelbagai kumpulan. Ia lebih mencerminkan kesamaan bagi semua golongan. Aktiviti sosial yang membolehkan responden berinteraksi termasuklah kegiatan jamuan, keramaian pada hari-hari pesta tertentu, melayani pelanggan atau *business contact*, rekreasi, perjumpaan sosial biasa, dan kegiatan-kegiatan sivik.

Sebagaimana yang dinyatakan terlebih dahulu, aktiviti sosial, seperti juga aktiviti-aktiviti lain, mewujudkan interaksi antara individu. Ia juga dapat mewujudkan rangkaian maklumat dan perhubungan yang boleh memanfaatkan kepentingan ekonomi usahawan.

Faedah ini sepatutnya boleh digunakan oleh responden untuk perkembangan keusahawanan mereka. Dalam kajian Flavia Derossi mengenai usahawan Mexico (Flavia Derossi, 1967), didapati bahawa kesempatan-kesempatan yang didapati melalui perhubungan sosial dalam aktiviti sosial seperti kegiatan kebudayaan, sosial dan sivik digunakan sepenuhnya oleh usahawan Mexico untuk menampilkan kuasa dan pengaruhnya bagi mendapatkan sokongan seterusnya menggunakannya untuk kemajuan firmannya. Walau bagaimanapun, keadaan demikian tidak ketara wujud di kalangan usahawan Bumiputera yang dikaji.

Seperkara yang ketara dalam perhubungan sosial usahawan ialah wujudnya hubungan kekeluargaan yang kuat. Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, faktor kekeluargaan bukan sahaja wujud dalam konteks hubungan sosial. Ia juga memainkan peranan yang penting dalam proses perjalanan perusahaan usahawan terutama sekali sebagai punca kewangan, tenaga kerja dan sokongan moral. Ciri-ciri ini sering didapati dalam masyarakat negara-negara membangun, iaitu hak milik yang ditumpukan kepada unit keluarga selaras dengan iklim sosioekonomi dan nilai-nilai budaya yang ada. Beberapa kajian di negara membangun menunjukkan

kecenderungan kepada ciri-ciri kekeluargaan, iaitu ahli keluarga turut memainkan peranan di dalam perjalanan firma (Flavia Derossi, 1967; John F. Carroll, 1967). Walau bagaimanapun, daripada tinjauan secara keseluruhan, syarikat perniagaan keluarga adalah sesuatu yang jarang berlaku di kalangan masyarakat Bumiputera. Dengan yang demikian, penglibatan kekeluargaan masih terhad pada pinjaman wang atau tenaga kerja sahaja.

Dalam aktiviti sivik dan kebudayaan yang lain, didapati responden melibatkan diri sebagai ahli biasa. Majoriti responden cuba melibatkan diri dalam kegiatan keramaian atau menghadiri majlis-majlis yang diadakan. Mereka tidak cuba menampilkan diri dalam interaksi tersebut. Fungsi yang dijalankan dalam aktiviti itu hanya sebagai ahli. Dalam kata lain, responden memainkan peranan yang pasif dalam proses interaksi tidak formal di mana beliau terlibat. Keadaan ini berbeza dengan apa yang terdapat di beberapa negara membangun yang lain. Di Mexico umpamanya, para usahawan di dapati mengambil kesempatan melalui perhubungan yang dilakukan secara sosial dan tidak formal itu untuk kepentingan mereka sendiri. Malah, mereka juga didapati menggunakan individu

yang terlibat dalam perhubungan yang sama sebagai kumpulan pendesak (*pressure groups*) bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Dalam interaksi dan hubungan yang dilakukan, usahawan Mexico didapati memainkan peranan yang penting.

Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa pengaruh politik dapat memanfaatkan individu, terutama sekali bagi mereka yang berniaga. Ini disebabkan individu tersebut boleh mendapat jalan (*access*) terhadap kemudahan yang disediakan melalui saluran politik. Walau bagaimanapun, belum ada kajian empiri yang dibuat untuk membuktikan pendapat tersebut. Kajian ini mendapati bahawa kegiatan politik responden-responden adalah minimum. Penyertaan mereka hanya sebagai ahli biasa. Jawatan tinggi yang dipegang oleh seorang responden ialah sebagai setiausaha kumpulan UMNO cawangan. Penglibatan yang kurang oleh para usahawan mencerminkan juga kurangnya pengaruh dan penglibatan mereka dalam bidang politik. Ada kemungkinan, bahawa unsur-unsur politik wujud apabila individu tertentu daripada golongan ini berinteraksi dengan mereka yang mempunyai kuasa politik melalui pelbagai saluran formal yang ada seperti persatuan pengilang, peniaga dan kontraktor.

Sekiranya penglibatan yang ketara tidak dapat dilihat pada peringkat mikro, perhubungan *symbiotic* antara ekonomi dengan politik amat ketara sekali pada peringkat makro. Politik memainkan peranan penting dalam ekonomi Bumiputera khususnya, dan ekonomi negara amnya. Kepentingan peranan politik dalam ekonomi jelas dibayangkan melalui ucapan YB Timbalan Perdana Menteri dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga. Mengikut beliau,

"... Ekonomi tidak dapat dipisahkan daripada politik, kejayaan dalam bidang politik dengan mewujudkan sebuah kerajaan yang stabil boleh membawa kepada kejayaan dalam bidang ekonomi. Sebaliknya kekacauan atau kelemahan bidang ekonomi boleh membawa kepada kekacauan politik. Oleh yang demikian kedua-dua perkara penting, politik dan ekonomi ini hendaklah dipelihara dengan sebaiknya.

(YB Timbalan Menteri, En. Ghafar Baba
12/1/1992, Berita Harian.)

Hubungan antara usahawan dengan kuasa politik sering dijelaskan sebagai *patron-client relationship*. Dalam hal ini kuasa politik sebagai penaung atau patron sering didatangi oleh individu yang memerlukan pertolongan dan kemudahan (Gomez E.T.: 1989).

Penglibatan para usahawan dalam atktiviti rekreasi amat terhad. Faktor utama yang menghalang penglibatan aktif dalam kegiatan tersebut ialah ketiadaan/kekurangan waktu lapang. Kebanyakan responden menyatakan mereka lebih suka menggunakan masa untuk menjalankan aktiviti rekreasi dengan keluarga seperti melancong, makan di luar rumah, dan bersukan. Apa yang mereka tekankan ialah bahawa mereka cuba menggunakan waktu lapang dengan rekreasi yang berfaedah dan mewujudkan *quality time* bersama keluarga mereka. Jawapan-jawapan mereka itu tidaklah menghairankan kerana sebagai usahawan, penggunaan waktu perlu diatur secara ekonomik.

Lawatan ke seberang laut dilakukan pada puratanya satu kali setahun. Lazimnya untuk urusan perniagaan. Hanya 28.3% daripada jumlah responden membuat lawatan lebih daripada dua kali setahun. Ada kalanya responden turut mengambil kesempatan untuk bercuti di luar negeri bersama-sama keluarga.

Terdapat beberapa ciri tertentu di kalangan mereka yang menjadi ahli-ahli kelab dan mereka yang selalu melakukan lawatan keluar negeri. Pertamanya, mereka ini terdiri daripada usahawan yang lebih terdedah

dengan cara hidup *affluent*. Dari segi sosial, responden ini berpendidikan tinggi dan dibesarkan dalam keluarga yang agak berada, telah menetap lama di kawasan bandar, terutama sekali bandar utama yang mempunyai kemudahan sedemikian. Mereka juga didapati turut aktif dalam beberapa aktiviti sosial, ekonomi, dan politik.

Ciri yang lebih penting bagi mereka ini ialah kemampuan dari segi ekonomi. Mereka didapati menjalankan perusahaan yang lebih besar dan mempunyai pasaran yang lebih luas berbanding kegiatan perusahaan yang dilakukan oleh responden yang mempunyai firma yang lebih kecil dan berorientasikan pasaran tempatan. Responden ini bukan sahaja mempunyai satu kegiatan perniagaan, malah mereka mempunyai beberapa perniagaan atau aktiviti perniagaan lain. Keperluan untuk memperluaskan dan memperkembangkan kegiatan ekonomi mereka itu memerlukan rangkaian hubungan yang lebih luas lagi dan boleh didapati di antara lain, melalui kesediaan mereka melibatkan diri dalam aktiviti kelab rekreasi dan lawatan ke luar negeri untuk meluaskan lagi wawasan dan sempadan perusahaan. Sebagai contoh, seorang responden yang mempunyai keahlian kelab golf, bermain golf bukan sekadar untuk bermain

sahaja, malah juga merupakan perpanjangan urusan perniagaan. Seterusnya dalam pergaulan di kelab-kelab demikian, beliau dapat meluaskan lagi hubungan perniagaannya.

Terdapat beberapa ciri gerak laku penglibatan responden dalam aktiviti sosioekonomi. Ciri-ciri tersebut ialah:

- i) aktiviti luar daripada perusahaan dan berpersatuan tidak dianggap penting oleh responden;
- ii) peranan yang dibawa dalam kegiatan berbentuk formal pada amnya hanya setakat menjadi ahli;
- iii) rangkaian hubungan (*networking*) tidak banyak berkembang tanpa variasi penyertaan, responden hanya menumpukan kepada satu atau dua kegiatan; dan
- iv) penglibatan dan penyertaan responden tidak membantu mereka meneguhkan kedudukan ekonomi bagi peringkat individu dan tidak menunjukkan *cohesiveness* dan unsur-unsur *groupism* yang dapat mengukuhkan kedudukan mereka sebagai satu kumpulan.

Kesimpulan

Responden-responden yang dikaji menunjukkan beberapa ciri persamaan dari segi tanggapan status, prestij, dan peranan yang mereka mainkan sebagai agen ekonomi. Mereka meletakkan faktor pencapaian sebagai penentu kedudukan status dan prestij. Pencapaian di sini memberatkan kepada pencapaian ekonomi, dan penggunaan secara aktif dan berkesan kuasa yang ada pada mereka bagi perkembangan individu dan masyarakat keseluruhan. Daripada tanggapan tersebut, usahawan telah menempatkan mereka yang bergiat dan berkuasa dalam sektor ekonomi (dan politik) sebagai golongan yang mempunyai prestij dan status dalam masyarakat. Secara langsung, ini menampilkan kepentingan golongan usahawan dalam strata masyarakat. Walaupun mereka mengakui kewujudan dan kepentingan peranan usahawan dalam perkembangan dan pembangunan negara keseluruhannya, peranan usahawan masih tertumpu kepada pengendalian firmanya sendiri. Namun demikian, ini bukan bermakna mereka tidak sedar tanggung jawab mereka terhadap masyarakat dan pembangunan negara keseluruhannya. Tetapi peranan ini menjadi peranan yang kedua

pentingnya selepas peranan dan tanggungjawab mereka terhadap firma sendiri.

Penglibatan para usahawan dalam kegiatan ekonomi dan sosial tidak menunjukkan unsur-unsur yang boleh memanfaatkan kedudukan ekonomi dan sosial mereka. Unsur-unsur *cohesiveness* dan *groupism* adalah antara unsur-unsur yang perlu bagi pembangunan masyarakat industri, dan ini belum lagi bertapak dengan ketara. Para usahawan tidak menggunakan rangkaian hubungan yang ada di sekitar mereka bagi mendapatkan bahan dan peluang untuk mengembangkan perusahaan. Dengan kata lain, unsur-unsur *networking* belum lagi dijadikan sebagai satu amalan yang ketara dalam perhubungan sosioekonomi dan politik kegiatan keusahawanan.